



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7 JLD.2 (68)

Tarikh :

18 April 2023

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
Di bawah seliaan JANM Pahang**

YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**HAD KEKERAPAN PENGGUNAAN ONE TIME VENDOR (OTV) DI iGFMAS**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat edaran BPOPP bilangan 2 tahun 2023 rujukan JANM.BPOPP.600-15/4/13(27) bertarikh 29 Mac 2023 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan keputusan Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan Bilangan 1 Tahun 2023 bertarikh 14 Mac 2023, kekerapan penggunaan **One Time Vendor (OTV)** di bawah kod vendor **10001** dan **10009** di sistem **iGFMAS** dihadkan sebanyak tiga (3) kali untuk setiap ID penerima bayaran bagi setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam tempoh setahun. Ini bagi memastikan penggunaan OTV adalah terkawal penggunaannya kepada keperluan operasi tertentu sahaja.

3. Pelaksanaan ini berkuatkuasa pada **1 Mei 2023** dan sekiranya penggunaan OTV telah mencapai tiga (3) kali bagi tahun ini untuk ID penerima berkenaan, PTJ hendaklah mewujudkan kod vendor yang bersesuaian untuk meneruskan bayaran.

4. Sehubungan itu, semua PTJ hendaklah mematuhi perkara berikut:

- i. Memastikan bahawa semua Arahan Pembayaran oleh PTJ menggunakan maklumat Data Induk Pembekal iGFMAS seperti yang ditetapkan di **Lampiran 1**;
- ii. Kaedah penyelesaian bagi pembayaran yang menggunakan OTV adalah seperti di **Lampiran 2**.

Ruj. Kami: ANM.PHG.600-15/3/7 Jld.2 (68)  
Tarikh: **18** April 2023

5. Bagaimanapun, PTJ di bawah JANM Pahang hendaklah membuat permohonan menggunakan OTV ke emel bayaran\_phg@anm.gov.my bagi mendapatkan kelulusan penggunaan kod OTV 10001 dan 10009 sebelum menyediakan Arahan Pembayaran. Maklumat yang diperlukan adalah seperti di Lampiran 3.

6. Justeru, kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan agar mematuhi arahan dan peraturan serta pekeliling berkuatkuasa amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"**

Saya yang menjalankan amanah,

(BURHANUDIN BIN MOHD NOOR C.A.(M))

Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Pahang

**LAMPIRAN 1**

No.	Kod Vendor OTV	Nama Vendor OTV	Keterangan Bagi Penerima Bayaran Vendor OTV
1.	10000	Saraan Federal Government	Penerima bayaran yang ditetapkan untuk Modul HCM seperti penerima bayaran nafkah atau penerima bayaran saraan.
2.	10001	EMP2 – Pendapatan Bercukai	Penerima bayaran untuk pegawai/ kakitangan awam yang belum didaftarkan di dalam kategori Kod Vendor EMP atau pegawai/ kakitangan awam yang di bawah arahan Tahan Gaji atas sebab tertentu.
3.	10002	Factoring Vendor OTV	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh pihak ePerolehan sebagai penerima bayaran syarikat Pemfaktoran
4.	10003	INSIST OTV	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia melalui sistem INSIST
5.	10004	eCourtFinance OTV	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan Kehakiman melalui sistem eCourtFinance
6.	10005	eBantuan	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk penerima bayaran bantuan JKM melalui sistem eBantuan.

No.	Kod Vendor OTV	Nama Vendor OTV	Keterangan Bagi Penerima Bayaran Vendor OTV
7.	10007	Penerima GUMIS	Penerima bayaran bagi bayaran balik Wang Tak Dituntut.
8.	10008	Deposit AR	Penerima bayaran bagi keadaan bayaran balik Deposit Am.
9.	10009	OTV-Arahan Pembayaran	Penerima bayaran yang tidak didaftarkan di dalam Data Induk Penerima Bayaran iGFMAS bagi bayaran secara one off yang dikhususkan untuk Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan sahaja.
10	10010	eLembaga Peperiksaan	Penerima Bayaran yang ditetapkan bagi Lembaga Peperiksaan

## LAMPIRAN 2

### SITUASI PENGGUNAAN OTV DAN PENYELESAIAN

#### (1) Pembayaran Emolumen Pegawai Yang Baru Berkhidmat

PERKARA	PENYELESAIAN
<b>Pembayaran Emolumen Pegawai Yang Baru Berkhidmat yang belum mempunyai kod Vendor Employee</b>	Mengambilkira proses penyediaan Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) ada yang mengambil masa sehingga ke dua(2) bulan, menyebabkan PTJ menggunakan OTV sementara maklumat kod vendor EMPLOYEE diwujudkan di iGFMAS. Justeru, Pejabat Perakaunan memohon untuk dibenarkan sekurang-kurangnya tiga (3) kali penggunaan OTV bagi pembayaran emolumen pegawai yang baru berkhidmat dalam tempoh kod vendor EMPLOYEE yang masih belum diwujudkan kerana kelewatansyataan Kew 8 oleh BPSM.

## LAMPIRAN 2

### SITUASI PENGGUNAAN OTV DAN PENYELESAIAN

#### (2)

#### Pembayaran Melalui Bank Deraf Kepada Pembekal Luar Negara

a. Pendaftaran pembekal luar negara bagi Kod Pembekal SUPP (Siri 6)	b. Pembayaran melalui iGFMAS kepada pembekal tersebut	c. Pendaftaran pembekal luar negara bagi Kod Pembekal SUPP (Siri 6)
<p>Pendaftaran pembekal luar negara bagi Kod Pembekal SUPP (Siri 6) adalah dibenarkan di iGFMAS melalui platform eVendor. Walau bagaimanapun, terdapat semakan kawalan digit poskod yang dihadkan kepada 5-digit sahaja selari dengan bilangan digit poskod yang digunakan oleh Malaysia.</p> <p>Sekiranya negara tersebut menggunakan poskod 5 digit, proses pendaftaran adalah seperti sedia ada.</p> <p>Sekiranya negara tersebut menggunakan selain poskod 5 digit, workaround yang disyorkan oleh BPTM adalah dengan mengemaskini maklumat penuh poskod di dalam medan alamat.</p>	<p>Arahan Pembayaran (Modul AP) kepada pembekal luar negara perlu menggunakan Jenis Bayaran D - Bank Draft/TT.</p>	<p><b>Syar Penyelesaian :</b></p> <p><b>Pendaftaran pembekal luar negara bagi Kod Pembekal SUPP (Siri 6) pada masa ini dibolehkan melalui eVendor.</b></p> <p>Justeru pembayaran melalui Bank Deraf kepada pembekal luar negara tidak perlu menggunakan OTV kerana pendaftaran kod vendor boleh dibuat melalui eVendor seperti yang dinyatakan di atas.</p>

## LAMPIRAN 2

### SITUASI PENGGUNAAN OTV DAN PENYELESAIAN

#### (3) Pembayaran Kepada Penerima Bayaran Individu Bagi Aktiviti Suruhanjaya Pilihanraya (SPR)

PERKARA	PENYELESAIAN
Pembayaran kepada penerima individu bagi aktiviti SPR melibatkan penjawat awam dan orang awam.	Diputuskan untuk menggunakan kod vendor employee (penjawat awam) dan Payee Non Supplier (PANS) untuk bukan penjawat awam sebagai alternatif selain OTV seperti munit mesyuarat - <b>Mesyuarat Mengenai Cadangan Sekatan Ke Atas Penggunaan One Time Vendor (OTV) Bersama Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM), Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Dan Pejabat Perakaunan bertarikh 21 September 2022 yang dilampirkan.</b>

#### (4) Pembayaran Melalui Bayaran Balik Hasil Kepada Orang Awam/ Syarikat

PERKARA	PENYELESAIAN
Pembayaran kepada orang awam atau syarikat melalui Bayaran Balik Hasil menggunakan OTV SUPP yang didaftarkan secara off-line oleh Pejabat Perakaunan bagi pembekal yang tidak memberikan perkhidmatan kepada Kerajaan dan tidak berdaftar di eVendor untuk tujuan bayaran balik hasil.	Menggunakan kod vendor <i>Payee Non Supplier (PANS)</i> bagi individu dan kod Vendor SUPP yang didaftarkan secara off-line oleh Pejabat Perakaunan bagi pembekal yang tidak memberikan perkhidmatan kepada Kerajaan dan tidak berdaftar di eVendor untuk tujuan bayaran balik hasil.

## LAMPIRAN 2

### SITUASI PENGGUNAAN OTV DAN PENYELESAIAN

#### (5) Pembayaran Kepada Penerima Bayaran Individu Yang Tidak Mempunyai Kad Pengenalan

PERKARA	PENYELESAIAN
Pembayaran kepada Individu Yang Tidak Mempunyai Kad Pengenalan. Merujuk kepada pendaftar <i>Others Dalam Negeri</i> (ODN) di sistem eVendor Bayaran Elaun Saku Rumah Kanak-Kanak Sultan seperitimana syor BPTM. Walaubagaimanapun, ID di bank hendaklah selari dengan yang daftarkan di eVendor bagi tujuan pelaksanaan 2 <sup>nd</sup> validation kelak.	

#### (6) Pembayaran Pegawai Yang Masih Berkhidmat Dibayar Di Luar Payroll Kerana Tindakan Tatatertib

PERKARA	PENYELESAIAN
Pembayaran Pegawai Yang Masih Berkhidmat Dibayar Di Luar Payroll Kerana Tindakan Tatatertib di mana kod Vendor Employee adalah tidak aktif.	Mewujudkan kod vendor <i>Payee Non Supplier</i> (PANS) bagi Pegawai Yang Masih Berkhidmat Dibayar Di Luar Payroll Kerana Tindakan Tatatertib. Bayaran kepada pegawai boleh menggunakan kod vendor PANS bagi kes ini.

## LAMPIRAN 3

### MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN BAGI PERMOHONAN MENGGUNAKAN OTV

**PERKARA: PERMOHONAN MENGGUNAKAN KOD ONE TIME VENDOR (OTV)  
10001/10009 BAGI BAYARAN \_\_\_\_\_**

1. Pihak tuan/puan dipohon untuk mengemukakan maklumat mengikut format berikut bagi tujuan permohonan ini untuk tindakan pihak kami selanjutnya:

Kod PTJ:

Nama PTJ:

Nama Penerima:

No. KP Penerima:

Nama Bank & No Akaun Bank:

Tujuan Pembayaran:

Jumlah Pembayaran:

Sila nyatakan justifikasi permohonan menggunakan kod OTV 10001/10009:

2. Selain itu, pihak tuan/puan juga perlu membuat pengesahan bahawa **bayaran menggunakan kod OTV 10001/10009** ini adalah secara **one off** dan **tiada pembayaran berulang menggunakan kod 10001/10009** ke atas penerima yang sama oleh PTJ tuan/puan di masa akan datang.

3. Permohonan boleh dihantar melalui emel kepada [bayaran\\_phg@anm.gov.my](mailto:bayaran_phg@anm.gov.my). Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, pihak tuan/puan boleh berhubung dengan **Puan Nor Zilah binti Nazir di talian 09-5915036/ Cik Nor Aziella binti Syayuti di talian 09-5915013**.